

**K**ebelakangan ini timbul isu kemerosotan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di institusi pengajian tinggi (IPT) dan dibimbangi akan menjadi lebih parah pada masa depan berikutan penggunaan bahasa pasar semakin menular dalam masyarakat di negara ini. Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Sarjit Singh Gill yang juga penerima Anugerah Citra Sahabat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berkongsi pendapat beliau mengenai perkara itu seperti disampaikan kepada wartawan Varsiti, BASIR ZAHROM.

**S:** Apakah faktor menyebabkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi semakin merosot?

**J:** Banyak aspek yang menyumbang kepada masalah ini, namun punca utamanya ialah kelesuan budaya ilmu dalam kalaangan mahasiswa sendiri selain keghairahan mengejar penarafan kedudukan universiti di peringkat antarabangsa.

Pencemaran bahasa juga menjadi punca utama mengapa tahap bahasa Melayu kini semakin mengalami kepupusan dalam dunia ilmu.

Ditambah dengan proses penterjemahan wadah ilmu yang berlaku dalam kadar amat perlahan di negara ini juga menjadi penyebab kepada kemerosotan ini.

Mahasiswa kini kurang membaca penulisan ilmiah sama ada bahasa Melayu mahu pun bahasa Inggeris. Bahan yang mereka baca hanyalah nota kuliah diberi pensyarah yang akhirnya dimuntahkan dalam peperiksaan.

Saya tidak menyangkal kepentingan bahasa Inggeris, namun apa yang berlaku kini kelemahan penguasaan bahasa bukan saja berlaku pada bahasa itu tetapi juga bahasa Melayu.

Disebabkan itu bahasa yang digunakan dalam penulisan tugas diberikan tidak sampai ke tahap yang diharapkan seperti penulisan mahasiswa pada tahun 1960-an dan 1970-an dulu.

Jika kita meminta mereka menulis mengenai sesuatu isu di akbar, pasti mereka tidak mampu lakukannya. Tidak dinafikan ada segelintir pemimpin pelajar yang boleh menulis dengan kritis di media massa, namun ia datang daripada persatuan mahasiswa yang sama.

Jurnal pula banyak ditulis dalam bahasa Inggeris supaya mudah dinilai dalam penarafan antarabangsa menyebabkan jurnal bahasa

Melayu kian terpinggir.

Tujuan jurnal ditulis untuk pembacaan masyarakat dan bukan mengejar mengejar penarafan, jadi ia perlu ditulis dalam bahasa yang difahami masyarakat umum supaya mampu memberi kesan terhadap idea yang ingin disampaikan.

Sepatutnya di universiti, isu masalah bahasa tidak timbul kerana universiti ialah tempat yang paling tinggi di mana penggunaan bahasa yang baik, tertib serta menghormati Perkara 152 yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

**S:** Apakah punca yang menggalakkkan berlakunya pencemaran bahasa di negara ini?

**J:** Isu ini berpunca daripada pelbagai faktor namun asasnya ialah hampir semua lapisan masyarakat hari ini gemar menggunakan bahasa pasar, lebih santai, bahasa basahan atau bahasa 'rendah'.

Perkara ini dapat dilihat daripada jawapan peperiksaan bertulis segelintir mahasiswa sehingga galah kepada topik perbahasan wakil rakyat di Parlimen.

Kita masih terikat pada konsep minda tertawan dan terlalu mengagungkan bahasa Inggeris sehingga keupayaan bahasa Melayu tidak berani diangkat.

Perkataan bahasa Melayu pun banyak 'diinggeriskan' sehingga akhirnya perkataan asal bahasa Melayu itu akan mati sebab kita sibuk menggunakan bahasa Inggeris. Contohnya, sebelum ini kita menggunakan perkataan 'belanjawan', namun kini ia sudah digantikan dengan 'bajet'.

Hal ini perlu diberi perhatian serius, jika tidak nilai jati diri bahasa Melayu akan hilang dan tidak hairanlah jika 10 ke 20 tahun lagi Malaysia akan ada bahasa baharu iaitu bahasa rojak.

Selain komunikasi di laman sosial yang terkenal dengan penggunaan bahasa

# Asas bahasa Melayu perlu kukuh



rojak, kebanjiran pendatang asing ke negara ini juga sedikit sebanyak menjadi punca pencemaran bahasa Melayu.

Mereka bukan saja datang dan belajar bahasa Melayu, malah mempercepatkan lagi proses merosakkan keindahan bahasa berkenaan.

Kita tidak boleh menyalahkan golongan itu kerana mereka perlu berkomunikasi menggunakan bahasa, tetapi persoalannya perlukah kita bercakap mengikut lengkok bahasa atau slanga pendatang asing ketika bercakap dengan mereka?

Penutur jati bahasa Melayu pula yang menggalakkan proses kerosakan bahasa dengan lebih cepat.

Isu bahasa Melayu atau bahasa Malaysia juga masih belum lagi selesai dan sering dikelirukan pihak tertentu sehingga kursus di universiti pun ada nama kursus bahasa Malaysia walaupun jelas dalam Perkara 152 menyebut bahasa Melayu.

Bahasa Malaysia ialah bahasa yang dituturkan oleh rakyat Malaysia seperti bahasa Melayu, bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Punjabi, bahasa Iban dan banyak lagi.

**S:** Apakah cadangan Dr dalam mengatasi kemerosotan bahasa Melayu di IPT dan masyarakat?

**J:** Bagi mahasiswa, pendidikan asas bahasa Melayu sejak dari sekolah lagi perlu kukuh kerana universiti bukan pusat pemulihian bahasa tetapi tempat pengkayaan bahasa.

Pengajaran bahasa Melayu di sekolah juga perlu dipertingkatkan dan saya percaya jika guru di sekolah mengajar dengan baik, sistematis dan mengikut standard, saya rasa isu ini tidak timbul.

Bahasa perlu diajar oleh guru yang memilih untuk mengajar bahasa Melayu dan bukan mereka yang terpaksa mengajar subjek berkenaan berikut wujud masalah kekurangan guru di sebuah sekolah.

Berdasarkan pemerhati-



**“MAHASISWA KINI KURANG MEMBACA PENULISAN ILMIAH SAMA ADA BAHASA MELAYU MAHU PUN BAHASA INGGERIS. BAHAN YANG MEREKA BACA HANYALAH NOTA KULIAH DIBERI PENSYARAH YANG AKHIRNYA DIMUNTAKHAN DALAM PEPERIKSAAN”**

an, asas bahasa Melayu di sekolah tidak sampai kepada pelajar sehingga memasuki IPT dan jika hal ini berterusan mengakibatkan golongan itu tidak mampu menulis dengan baik.

Masalah yang dihadapi pelajar ialah pertama aspek persembahan bahasa, laras bahasa, tatabahasa dan kedua dari segi gagasannya. Jika tiada idea, apa yang boleh ditulis?

Pensyarah perlu mengajarkan dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi bagi menjadikan mahasiswa yang boleh menulis dengan baik.

Bahasa pengantar di dalam kuliah sama ada bahasa Melayu atau Inggeris perlulah digunakan dengan tepat dan secara ilmiah dan bukannya pada tahap rendah.

Jika lepasan universiti tidak mampu menulis dengan baik sama ada minit mesyuarat, laporan dan sebagainya, apa beza pekerja lepasan IPT dengan mereka yang tidak menyambung pengajian ke universiti?

Selain itu, masyarakat dan pihak bertanggungjawab seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) perlu memainkan peranan dan martabatnya patut diangkat oleh kerajaan untuk mencegur, mengkritik dan mengambil tindakan yang perlu sesuai dengan akta yang ada kepada sebarang individu dan institusi awam atau swasta yang mencearkan imej bahasa Melayu termasuk ahli politik.